



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,  
Aras 18, Blok C,  
Ibu Pejabat  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,  
No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7,  
62250 Putrajaya**  
Tel. : **03-8870 0015**  
Faks : **03-8870 0908**  
E-mel : **[komunikasi@sprm.gov.my](mailto:komunikasi@sprm.gov.my)**  
Web : **[www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)**  
Twitter : **[twitter.com/SPRMMalaysia](https://twitter.com/SPRMMalaysia)**  
Facebook: **[facebook.com/sprm.benci.rasuah](https://facebook.com/sprm.benci.rasuah)**  
Youtube : **[www.youtube.com/odvmacc](https://www.youtube.com/odvmacc)**

# KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

## SPRM ANJUR KEJOHANAN SPRM FIFA 21 CHALLENGE SEBAR MESEJ ANTIRASUAH DALAM KALANGAN BELIA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menganjurkan kejohanan e-sukan SPRM FIFA 21 Challenge mulai 1 Julai hingga 17 Julai ini sebagai usaha untuk menyebarluaskan mesej antirasuah dalam kalangan belia.

Kejohanan SPRM FIFA 21 Challenge bertemakan *Youth Against Corruption* (Belia Menentang Rasuah) tersebut merupakan kesinambungan daripada program *PUBG Mobile i-Challenge* yang pernah dianjurkan oleh SPRM sebelum ini sebagai usaha untuk mendekati Generasi Z atau kumpulan belia yang meminati e-sukan.

Pertandingan secara dalam talian yang dicetuskan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki ini merupakan pendekatan serampang dua mata kerana mesej antirasuah dan penerangan berkaitan jenayah rasuah di negara ini turut akan diselitkan sepanjang perlawanannya tersebut.

Sejajar dengan ledakan teknologi, e-sukan seperti *Mobile Legend*, *Starcraft*, *Counter Strike*, *Dota* dan *FIFA* kini menjadi trend kumpulan belia kerana ia bukan sekadar untuk memenuhi masa lapang anak-anak muda malah mendorong mereka untuk menjadikan e-sukan sebagai satu kerjaya.

Justeru, kejohanan anjuran bersama antara SPRM dengan THQ Esports Club yang diterajui oleh anak-anak muda ini diharap dapat memberi kesedaran dan pendedahan kepada generasi muda terhadap kesan rasuah yang bukan sahaja akan meruntuhkan organisasi malah mencemarkan imej serta reputasi negara.

Penganjuran SPRM FIFA 21 Challenge yang julung kali diadakan tersebut juga membuktikan SPRM memanfaatkan penggunaan teknologi ketika penularan pandemik COVID-19 yang memberi kesan kepada program serta aktiviti pendidikan antirasuah yang sebelum ini dijalankan secara bersemuka.

Pada masa yang sama, platform secara maya tersebut turut membolehkan SPRM mendekati kumpulan sasar bagi menyampaikan mesej antirasuah meskipun negara kini sedang berdepan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung pandemik.

Pada peringkat awal, sebanyak 13 buah negeri serta tiga Wilayah Persekutuan akan mula berentap bermula 1 Julai hingga 16 Julai ini dan juara bagi setiap negeri layak untuk ke peringkat akhir iaitu pada 17 Julai ini.



Pemenang pertandingan bakal membawa pulang hadiah wang tunai keseluruhan sebanyak RM20,000 yang mana juara akan membawa pulang wang tunai sebanyak RM5,000, diikuti naib juara (RM3,000) dan tempat ketiga (RM2,000).

Bagi tempat keempat pula, pemenang akan membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,000 dan Top 8 (RM700); Top 16 (RM375) serta Top 32 (RM200).

SPRM FIFA 21 Challenge yang bakal disertai 2,048 atlet e-sukan tersebut akan disiarkan secara langsung menerusi laman Facebook rasmi Team Haq Esports Club dan SPPM Community.

#YouthAgainstCorruption

#SPRMFIFA21Challenge

## SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA PUTRAJAYA

24 JUN 2021



**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi** Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik,  
Kamaruddin M. Ripin (019-6217577) atau Azrai Mohammad (019-6106962)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui penggubalan Akta SPRM 2009 (Akta 694) bagi meningkatkan keberkesaan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPRM. SPRM turut disokong oleh mekanisme *check and balance* dalam menastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPRO).